

**Yang di-Pertuan Agong Berkenan Rasmi Hotel
Bernama
17 September , 2011**

KUALA TERENGGANU, 17 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah berkenan berangkat bagi merasmikan Hotel Tanjung Vista di sini Sabtu.

Keberangkatan baginda berdua disambut Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mazlan Ngah serta Pengerusi dan Pengarah Urusan Hotel Tanjung Vista Datuk Tan Choo Meng.

Pada majlis perasmian itu Tuanku Mizan telah memasukkan kad replika kunci bilik ke dalam satu kotak khas sebagai gimik perasmian hotel berkenaan.

Sementara itu Tan ketika ditemui selepas majlis itu berkata, Hotel Tanjung Vista setinggi 14 tingkat dibina pada 2008 dengan peruntukan kira-kira RM23 juta.

Katanya hotel bertaraf tiga bintang yang terletak di satu kawasan komersil di Jalan Sultan Zainal Abidin di sini, mempunyai 199 bilik dengan pakej harga serendah RM133 dan mula beroperasi pada 7 Sept tahun lepas.

Kemudahan yang ditawarkan antaranya ialah restoran, business centre, kolam renang, gymnasium, dobi, faksimili, peti simpanan, kemudahan tempahan hotel dan juga penerbangan.

Beliau berkata hotel itu turut menawarkan pakej perkahwinan lengkap yang memberi kebebasan kepada mempelai memilih tema dan menu dengan harga berpatutan.

Katanya pakej perkahwinan untuk kaum Cina dikenakan harga antara RM550 dan RM650 bagi satu meja seramai 10 orang yang bercirikan perkahwinan moden.

Tan berkata sebarang pertanyaan dan tempahan boleh dibuat melalui laman web www.hoteltanjungvista.com.my atau telefon 09-6319988.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=614067>